



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTIS PENGAWAL HAK CIPTA 1/2025

MAKLUMAN PERMOHONAN PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA SECARA DALAM TALIAN

Notis ini dikeluarkan untuk memaklumkan bahawa berkuat kuasa 2 Disember 2025, semua permohonan bagi **Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta** (*Copyright Voluntary Notification*) boleh diakses dan dikemukakan secara dalam talian melalui sistem rasmi MyIPO.

PROSEDUR PERMOHONAN ATAS TALIAN

Permohonan boleh dibuat melalui **Portal Rasmi MyIPO**:
<https://iponline2u.myipo.gov.my/CP.html>

Pemohon adalah dikehendaki untuk:

- a) Mendaftar akaun pengguna melalui modul 'Applying Digital Signature';
- b) Melengkapkan borang permohonan dalam talian di bawah 'New Registration Profile';
- c) Memuat naik karya hak cipta; dan
- d) Membuat bayaran fi permohonan sebanyak RM200 melalui saluran pembayaran elektronik yang ditetapkan.

PENGECUALIAN FI PENTADBIRAN

Fi pentadbiran sebanyak RM50 bagi permohonan manual akan dikecualikan sehingga 31 Disember 2025. Mulai 1 Januari 2026, semua permohonan manual akan dikenakan fi pentadbiran tersebut.

PENAMATAN PERKHIDMATAN KAUNTER COPYRIGHT TO YOU (CR2U)

Kaunter Copyright to You (CR2U) di MyIPO akan terus beroperasi sehingga 31 Disember 2025. Berkuat kuasa 2 Januari 2026, perkhidmatan ini akan ditamatkan bagi menggalakkan penggunaan platform pemfailan dalam talian sepenuhnya.

TARIKH KUAT KUASA

Notis ini berkuat kuasa mulai 2 Disember 2025. Semua permohonan baharu yang dikemukakan pada atau selepas tarikh tersebut adalah digalakkan untuk difailkan melalui platform dalam talian.

PERMOHONAN SECARA MANUAL

Semua permohonan manual yang dikemukakan ke pejabat MyIPO akan diproses selaras dengan Piagam Pelanggan Bahagian Hak Cipta, iaitu dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.

Hanya **sijil elektronik** akan dikeluarkan kepada pemohon. Wakil atau individu untuk dihubungi bagi Borang CR-1 **hendaklah mendaftar akaun pengguna** di Portal Rasmi MyIPO bagi tujuan mengakses dan memuat turun semua sijil secara elektronik.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan penyelarasan nombor permohonan kepada akaun pengguna, sila e-mel kepada **crtechsupport@myipo.gov.my**

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada:

Bahagian Hak Cipta

Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Emel: infocopyright@myipo.gov.my

Telefon: 03-7496 8900

PENGAWAL HAK CIPTA

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

PERHATIAN: PERMOHONAN CR-9 DAN CR-11 PERLU DIBUAT SECARA MANUAL.
--